

Penularan COVID-19

Masih ada ruang fiskal biayai pakej rangsangan

PM yakin pengurusan ekonomi dalam keadaan baik bantu rakyat terkesan

Oleh Veena Rusli dan Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, masih ada ruang fiskal boleh dimanfaatkan untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi bagi membantu rakyat menampunkan kesan pandemik COVID-19.

Walaupun ruangnya diakui ter-

batas, Perdana Menteri menegaskan, pengurusan ekonomi negara masih dalam keadaan baik dan hakikat itu diperakui beberapa agensi penarafan antarabangsa.

“Memang tanggungan (membiayai rangsangan ekonomi) itu berat, tapi kita dah mencuba yang terbaik. Kita ada ruang fiskal walaupun terbatasi untuk membantu rakyat.

“Nilai dagangan negara bagi Mei ialah RM170.7 bilion, daya ekonomi stabil, pertumbuhan jangka sederhana.

“Lapan pakej rangsangan ekonomi sebelum ini membuktikan kerajaan tidak teragak-agak membelanjakan wang untuk membantu rakyat dan membantu kelangsungan perniagaan,” katanya pada sidang media khas di sini, semalam.

Baru-baru ini, Fitch Solutions Country Risk & Industry Research mendakwa, kerajaan tidak mungkin dapat membiayai pakej rangsangan semasa atau pakej lain pada masa

akan datang susulan pelbagai kekangan dihadapi negara ketika ini.

Bermula Mac tahun lalu, kerajaan melaksanakan lapan pakej rangsangan ekonomi bernilai melebihi RM530 bilion, termasuk lebih RM80 bilion suntikan fiskal kerajaan yang memanfaatkan lebih 20 juta individu dan 2.4 juta perniagaan.

Muhyiddin berkata, defisit kerajaan dijangka melebihi unjuran enam peratus tahun ini dengan mengambil kira kesan kawalan pergerakan terbaru dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti di Selangor.

“Walaupun defisit ini besar, kita boleh tolak ke tepi seketika untuk memastikan ekonomi Malaysia pulih dan rakyat dilindungi.

“Unjuran pertumbuhan mungkin terpaksa diturunkan sedikit, namun kita optimis apabila lebih ramai divaksinasi dan lebih banyak sektor ekonomi dapat dibuka menerusi Fasa Dua dan Fasa Tiga

“Lapan pakej rangsangan ekonomi sebelum ini membuktikan kerajaan tidak teragak-agak membelanjakan wang untuk membantu rakyat dan membantu kelangsungan perniagaan”



Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

(Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara).

“Ekonomi akan bangkit semula,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan memutuskan untuk membenarkan sektor pembinaan beroperasi dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketat.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet lalu selepas mengambil kira tidak sampai 40 peratus bajet pembangunan yang diperuntukkan digunakan tahun ini kerana sektor pembinaan tidak dapat beroperasi.

Muhyiddin berkata, ia turut membolehkan projek pembinaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya yang sepatutnya dinikmati rakyat negara ini.

“Dalam keadaan sekarang, sektor kerajaan sebegini mesti dibenarkan beroperasi dengan SOP ketat, vaksinasi kepada pekerja dan sebagainya.

“Sekarang sudah bulan tujuh (Julai), jangan sampai nanti dah bulan sembilan (September), lagi dua tiga bulan tak boleh buat kerja. (Peruntukan) kena dibawa ke tahun depan.

“Memang betul boleh dibawa ke tahun depan tapi kalau tak guna sekarang, peratusan yang dibawa dengan bajet baharu tahun depan, jumlah yang tidak berbelanja cukup besar.

“Bukan sahaja projek kerajaan, swasta pun mereka boleh mematuhi SOP, kita akan beri kelonggaran menjalankan aktiviti ekonomi,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri mengakui, kepentingan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai enjin penting yang mewakili 90 peratus entiti ekonomi negara.

Katanya, kerajaan akan membantu menghidupkan semula syarikat PKS selepas proses vaksinasi selesai.

Wk: 2
BH - 25/7/2021